

## SISTEM POLITIK TRADISIONAL KESULTANAN BRUNEI DI TUARAN SEMASA PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL MOMIN (1877-1885): SUATU GENEEOLOGI SEJARAH

*The Traditional Political System of the Brunei Sultanate in Tuaran During the Reign of Sultan Abdul Momin (1877-1885): A Historical Geneology*

Yusry Sulaiman<sup>1</sup>, Mosli Tarsat<sup>2</sup>, Rizal Zamani Idris<sup>3</sup> & Mohammad Firdaus Abdullah<sup>4</sup>

<sup>1-3</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah.

<sup>4</sup> Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.

[1yusryjason@gmail.com](mailto:yusryjason@gmail.com) [2Mos\\_79@ums.edu.my](mailto:2Mos_79@ums.edu.my) [3Rizal.idris@gmail.com](mailto:3Rizal.idris@gmail.com) [4mfa@ukm.edu.my](mailto:4mfa@ukm.edu.my)

### ABSTRACT

*The location of Tuaran River is on the coastal river area on the west coast of North Borneo. The emergence of the Tuaran River area has long existed since the era of Sultan Abdul Momin's rule as stated in the agreement letter with Maharajah Overbeck on 29 December 1877. However, the administration system of Tuaran was taken over and implemented by Brunei dignitaries such as Pengiran Abdul Rauf, Pengiran Siti Anak Khatijah, Pengiran Muda Muhammad, and Pengiran Muda Muhammad Hassan. These leaders however have their own people, especially the Bajau ethnic group who resided mainly in the coastal area of the Tuaran River. Furthermore, in Brunei's traditional territorial ownership system on the west coast of North Borneo, Tuaran is designated as the sole area with a Kuripan River status. This means that the river itself has been fully administered by Brunei dignitaries. Additionally, there are sources of western records implying that the Tuaran River is a centre for meeting and commerce among the communities on land and sea such as Bajau and Dusun. Hence, it is not surprising that the Tuaran River is an important river as both communities need each other to meet their daily requirements. By majority, the area is occupied by the Bajau community as they were the original native occupants of the Tuaran River coastal area. More interestingly, during the rule of Sultan Abdul Momin, the Tuaran area was handed over to the British North Borneo Company on April 5, 1884. This study used a literature research method with the archive as the main source for this research. This article will explain the importance of the Bajau community and the administration system at Tuaran River during the rule of Sultan Abdul Momin from 1877 to 1885.*

**Key Words:** Tuaran, Brunei dignitaries, Kuripan River, Sultan Abdul Momin.

## ABSTRAK

Kedudukan Sungai Tuaran adalah di kawasan persisiran Sungai di sebelah pantai barat Borneo Utara. Kemunculan di kawasan Sungai Tuaran sudah lama wujud sejak dari zaman pemerintahan Sultan Abdul Momin yang dinyatakan dalam surat perjanjian dengan Maharajah Overbeck pada 29 Disember tahun 1877. Namun, sistem pentadbiran di Tuaran telah diambil alih dan dilaksanakan oleh golongan pembesar Brunei seperti Pengiran Abdul Rauf, Pengiran Siti Anak Khatijah, Pengiran Muda Muhammad dan Pengiran Muda Muhammad Hassan. Pimpinan tersebut mempunyai rakyat tersendiri, khususnya etnik Bajau yang kebanyakannya menetap di kawasan persisiran Sungai Tuaran. Tambahan pula, dalam sistem pemilikan wilayah tradisional Brunei di pantai barat Borneo Utara, Tuaran merupakan satu-satunya kawasan yang berstatus Sungai Kuripan. Ini bermaksud bahawa Sungai tersebut telah ditadbir urus sepenuhnya oleh golongan pembesar Brunei. Di samping itu, terdapat sumber catatan barat bahawa Sungai Tuaran ini merupakan pusat pertemuan dan perdagangan di antara masyarakat yang berada di daratan mahupun lautan seperti Bajau dan Dusun. Tidak hairanlah bahawa Sungai Tuaran merupakan sungai terpenting bagi kedua-dua masyarakat tersebut yang saling memerlukan untuk memenuhi keperluan harian mereka. Secara majoritinya, kawasan tersebut telah didiami oleh masyarakat Bajau kerana mereka merupakan penghuni tetap asal di persisiran Sungai Tuaran. Lebih menarik lagi, kawasan Tuaran telah diserahkan kepada British North Borneo Company pada 5 April 1884 semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Kaedah penyelidikan ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dengan arkib sebagai sumber rujukan kajian. Makalah ini akan menjelaskan tentang kepentingan masyarakat Bajau dan sistem pentadbiran di Sungai Tuaran semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin dari tahun 1877 sehingga 1885.

**Kata Kunci:** Tuaran, Pembesar Brunei, Sungai Kuripan, Sultan Abdul Momin.

## PENGENALAN

Sungai Tuaran adalah terletak di pantai barat Borneo Utara, akan tetapi tidak terlintas fikiran utama bagi peminat sejarah terutama masyarakat Bajau di pantai barat Borneo Utara. Seperti sekarang, Sungai Tuaran merupakan sebuah daerah yang mempunyai Mukim seperti Mengkabong, Pandasan dan Tampurli. Dahulunya, Sungai Tuaran juga dikenali sebagai di bawah pemerintahan Kesultanan Brunei semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Sungai Tuaran juga merupakan sebuah kerajaan yang tertua dan juga pusat tumpuan perdagangan dan pertemuan di antara kedua-dua etnik seperti Bajau dan Dusun. Sungai Tuaran sememangnya mempunyai pusat kuala perairan yang dahulunya cukup besar untuk dijadikan pusat perlabuhan utama di kawasan persisiran sungai untuk melakukan aktiviti perdagangan dan Tamu. Memang tidak nafikan bahawa Masyarakat Bajau di Sungai Tuaran menggunakan sungai untuk dijadikan pengangkutan khas untuk melakukan segala aktiviti khususnya perdagangan.

## **SOROTAN LITERATUR: KONSEP KERAJAAN MELAYU DI ASIA TENGGARA TRADISIONAL**

Perkataan kerajaan di “Asia Tenggara” mula diambil petik dari perkataan konsep mandala yang berasal dari (O.W Wolters, 1999) melalui karya beliau *History, Culture and Region in Southeast Asian Perspective*. Konsep ini dapat dijelaskan bahawa kawasan di antara Orang besar (Big Men) dengan Orang Mulia (Man of Prowess) sebagai ketua pemerintah di Asia Tenggara. Setiap pemerintahan menuntut kekuasaan ke atas pemerintah lain dalam lingkungan mandala yang secara teorinya merupakan pengikut dan sekutu yang setia. Pekara ini wujudnya bahawa kawasan pemerintahan kepada “Orang Besar” yang kuat di kuasa pusat dan “orang besar” di kawasan pinggiran (periphery) (Bilcher, 2018).

Selain itu, konsep daulat dan derhaka dalam sistem politik Kesultanan Brunei dikatakan memang sudah diwarisi sejak turun-temurun, andai kata diterima kewujudan Syair Awang Semaun dalam akhir abad ke-17, maka boleh dikatakan apabila dicatat “Berkat daulat Betara Kahilfah turun temurun menjadi raja. Sekian tidak mendapatkan bala (Hasbol., 2007) Terbentuknya Negara Brunei adalah hasil perpaduan rakyat yang secara suka rela telah menyerahkan kuasa kepada raja (sultan). Penyerahan kuasa ini berlandaskan prinsip raja tidak boleh zalim kepada rakyat sendiri dan rakyat tidak boleh ingkar kepada raja (sultan) apabila kuasa telah diserahkan maka dengan sendirinya Sultan Brunei telah mempunyai daulat yang mempunyai hubungan yang rapat dengan konsep rakyat tidak boleh derhaka. Maka ini muncullah perpaduan di antara raja dan rakyat atas dasar raja untuk rakyat, rakyat untuk raja.

Akhir sekali, Konsep daulat menjelaskan terdiri daripada tahap keluasan empayar kesultanan Brunei khususnya di pantai barat Borneo Utara. Di sini melihat bahawa pemilikan Sungai Tuaran adalah milik Sultan Abdul Momin (Hasbol, 2011). Rakyat baginda adalah terdiri terutama masyarakat Bajau di bawah pemerintahaan Sultan Abdul Momin sebenarnya. Oleh itu, masyarakat Bajau di Sungai Tuaran sangat membantu dalam aktiviti tradisional ekonomi bagi Sultan dan kalangan pembesar Brunei.

## **SEJARAH ASAL USUL TUARAN**

Tuaran adalah sempena nama asal Sungai Tuaran, namun ia belum dikenal pasti secara jelas dan tepat,tetapi banyak menggunakan nama asal mengikut sumber yang sedia ada. Terdapat catatan Barat yang dapat ditemukan oleh Saint John Spenser. Pada tahun 1862, Menurut Spenser Tuaran ini adalah nama asal ialah Tawaran yang menjadi pusat menjual barang sambil tawar-menawar (Spenser, 1862). Menurut Bilcher (2018), Sungai Tuaran juga dikenal istilah dalam bahasa Inggeris sebagai tempat *Bargaining* yang bermaksud tawar-menawar. Memang tidak nafikan bahawa Sungai Tuaran adalah pusat pertemuan di antara penduduk peribumi dan para-pedagang untuk melakukan operasi perniagaan secara sistem barter. Dengan itu, setiap hasil pungutan mereka, terutama di kawasan bukit dan persisiran sungai akan dijual kepada para pedagang mengikut hasil yang mereka dapat.

Menurut Rutter (2008) mengatakan bahawa asal usul nama Tuaran adalah berasal dari kawasan air tawar. Kawasan tersebut mempunyai air mengalir yang bersih. Lebih-lebih lagi menyokong mengenai keindahan alam di kawasan Sungai Tuaran yang sangat menakjubkan pada ketika itu. Asal nama Tuaran juga diambil sempena kawasan itu merupakan air yang jernih dengan memanggil sungai air tawar yang merupakan sungai yang sangat penting terutama di kawasan Tuaran (Rutter, 2008). Tambahan, kawasan Tuaran juga berhampiran di Sungai Tuaran untuk melakukan aktiviti perniagaan kepada para masyarakat untuk melakukan sistem barter (tukar barang). Ada yang mengatakan bahawa Sungai Tuaran ini sempena tempat tawar-menawar iaitu *Bargaining* yang menjadikan kawasan untuk bertemu dua etnik iaitu Bajau dan Dusun di Sungai Tuaran untuk melakukan sistem barter dari segala hasil laut mahupun hasil tani dan lain-lain untuk melakukan pada hari tamu. Oleh itu, perkataan tawar-menawar itu menjadi Tawaran yang lama kelamaan menjadi Tuaran. Menurut Bilcher, kawasan Tuaran juga digelarkan ialah *Etawwarran* mengatakan ejaan asal daripada bahasa Arab yang berseninom dengan *Tawaran*. Tetapi, ketepatan nama asal masih tidak dijumpai dalam pensejarahan Brunei di antara abad ke-14 sehingga abad ke-16 masihi (Bilcher, 2018).

Asal usul Tuaran telah dicatatkan pada tahun 1813 oleh seseorang rakyat British iaitu Sir Stamford Raffles melalui suratnya ditulis kepada setiausaha British di India untuk memohon kebenaran bagi memasuki Borneo Utara. Sir Stamford Raffles adalah seorang Gabenor British di Jawa ketika itu membuat pelawaan daripada Kerajaan Brunei sebagai motif utama beliau untuk memohon kebenaran untuk masuk di kawasan Sungai Tuaran. Tujuan Sir Stamford Raffles untuk memasuki Sungai Tuaran dengan mudah serta menyelesaikan masalah lanun yang semakin berleluasa terutama di kawasan pantai barat Borneo Utara (Bilcher, 2018).

Oleh itu, pada abad ke-9 nama Tuaran mahupun Tawaran sudah lama terkenal diseluruh rantau Asia Tenggara tetapi asal-usul nama asal tersebut masih tidak jelas dan tepat sehingga kini. Bagi masa sekarang Tuaran juga dikenali sebuah pekan yang berasal daripada Sungai Tuaran . Daerah Tuaran juga mempunyai beberapa kampung kecil seperti Kampung Mengkabong, Sabandar, Serusup, Sulaman, Berungis, Tamparuli, Tudan dan Telipok (Bilcher, 2018). Namun begitu, Bilcher mengatakan asal nama Sungai Tuaran juga dikenali oleh penduduk Kampung Tudan yang bersebelahan Tuaran sehingga ke Kampung Sabandar sepanjang mengalir muara sungai (Bilcher, 2018). Ternyata nama Sungai Tuaran juga sememangnya terkenal sejak dari dahulu lagi. Mengikut Utusan Borneo yang diutarkan oleh Bilcher, dalam *Suma Oriental* mencatatkan di antara sekitar tahun 1512- 1515 Masihi “Borneo terdiri daripada banyak pulau besar dan kecil. Semuanya dihuni oleh penduduk animis melainkan pulau yang terbesar dihuni oleh orang Islam; tidak begitu lama sejak Rajanya menjadi Islam. Mereka kelihatan seperti kaum pedagang. Para pedagang mereka adalah semua lelaki yang bertubuh bersaiz sederhana, tidak terlalu pintar. Mereka berdagang secara langsung dengan Melaka setiap tahun. Ia adalah sebuah negeri yang kaya dengan daging, ikan dan sago. Sesungguhnya, terdapat banyak pulau (sejumlah 33) dalam Teluk Brunei dan kemungkin Pires merujuk kepada Pulau Chermin sebagai pulau yang terbesar (Bilcher Bala & Baszley Bee Basrah Bee dan Jakaria Dasan, 2013).

Tuntasnya, asal-usul nama Sungai Tuaran mempunyai nama yang penuh variasi untuk dibincangkan. Pada ketika itu, Sungai Tuaran merupakan pusat tumpuan bagi

pertemuan di antara pembesar Brunei dengan rakyat. Bagi perspektif barat, seperti Spenser, perkataan Tuaran adalah berasal tawar-menawar. Manakala perspektif Sarjana tempatan seperti Bilcher, Sungai Tuaran ini terdiri sebuah kerajaan Kuala (Bilcher, 2018). Oleh itu, Sungai Tuaran adalah terletak berhampiran dengan kaki Gunung Kinabalu.

## METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan kualitatif serta menggunakan sumber primer Arkib Negeri Sabah bagi memastikan kesahihan sesbuah kritikan oleh sarjana dalaman atau luaran. tentang isu yang di kaji ini. Antaranya sumber sumber primer arkib yang digunakan adalah seperti *Foreign Office*, mikrofilem, C.O 874/200 dan C.O874/54. Sumber ini mengandungi intipati dan analisis dalam sebuah perjanjian. Selain sumber dari Arkib Negeri Sabah, sumber sekunder dari Perpustakaan Yayasan Sabah turut digunakan oleh penyelidik. Kesemua bahan tersebut menggunakan kod-kod yang tertentu bagi memastikan kajian ini dapat memerihalkan dengan lebih jelas bagi kajian ini. Tempoh masa kajian ini turut memakan masa selama dua bulan bermula dari 2 Jun 2022 sehingga 2 Ogos 2022. Sumber sekunder digunakan oleh penyelidik bagi menganalisis dan memperolehi sumber daripada para sarjana tempatan dan antarabangsa seperti Bilcher Bala, Haji Abdul Karim Haji Abdul Rahman, Haji Hasbol Mail, Spenser Saint John, Norman Evans, Owen Rutter, Sanib Said dan Tarling Nicholas. Kesemua sumber rujukan para sarjana ini boleh didapati di Perpustakaan Yayasan Sabah dan sangat membantu semasa menulis makalah kajian ini. Manakala sumber laman sesawang seperti <http://www.lawnet.sabah.gov.my> turut membantu dalam kajian ini. Bukan itu sahaja, Jurnal-Jurnal lain seperti *JMBRAS*, Journal Borneo Transformation Studies dan bab dalam buku turut membantu penyelidik bagi mengukuhkan hujah dalam kajian ini. Oleh itu, semua data kajian yang didapati adalah menggunakan pendekatan kualitatif dimana penyelidik menjelaskan secara mendalam peristiwa berkaitan pemerintahan Sultan Abdul Momin dari tahun 1877 sehingga 1885 di Sungai Tuaran dari perspektif genealogi sejarah.

## SISTEM POLITIK DAN PENTADBIRAN BRUNEI DI TUARAN: SUATU GENEEOLOGI SEJARAH

Sungai Tuaran juga di pengaruh beberapa kawasan yang diketuai oleh Pengiran Abdul Rauf yang bersebelahan dari Sungai Karambunai dan Sungai Mengkabong. Kedua-kedua kawasan tersebut merupakan kawasan Pengiran Abdul Raop sehingga berlaku pertikaian pertindihan wilayah dengan Sultan Abdul Momin. Konflik ini disebabkan hasil pemungutan cukai dan pengaruh terhadap rakyat di antara Sultan dan pemimpin kawasan Sungai Karambunai, Sungai Tuaran dan Sungai Mengkabong. Hal ini menimbulkan berlaku salah faham untuk menguasai kawasan tersebut terbukti berlaku mogok di antara pengikut masyarakat Bajau Sultan Abdul Momin dan Pengiran Abdul Raop. Tidak hairanlah pengaruh Pengiran Abdul Roup, mempunyai pusat perlabuhan teramai di kawasan Karambunai dan Mengkabong berbanding dengan Sungai Tuaran (Dalrymple, 1884: 262). Rata-ratanya pengikut Pengiran Abdul Raop adalah masyarakat Bajau di Sungai Karambunai dan Sungai Mengkabong.

Selain itu, pengaruh populasi persisiran sungai Masyarakat Bajau di Sungai Tuaran adalah lebih ramai berbanding dengan etnik lain seperti Dusun. melihat bahawa kehidupan masyarakat Bajau bukan sahaja bergantung di kawasan perairan seperti laut dan sungai, tetapi aktiviti darat seperti menanam kawasan bukit dan sawah yang ditanam. Pada awalnya, dalam sistem pemilikan wilayah Brunei, Sungai Tuaran merupakan Sungai Tulin mengikut geran pada 29 Disember 1877 (M:116/82, M63/2002, C.O 874/54). Kemudian kawasan tersebut telah digantikan statusnya menjadi Kuripan dan dikendalikan oleh Pengiran Muda Muhammad dan Pengiran Muda Muhammad Hassan. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin, baginda telah menyerahkan wilayah Sungai Tulin mengikut perjanjian pada 1877(M:116/82, M63/2002, C.O 874/54). Sungai Tuaran ialah salah satu wilayah yang berjaya ditakluk dari zaman Sultan Bolkiah I. Hal ini menunjukkan empayar Brunei semakin berkembang terutamanya di kawasan persisiran pantai barat Borneo Utara. Menurut Amin Sweeney dalam Teks “B”, Sultan Bolkiah I sudah meluaskan empayar sehingga ke semua persisiran pantai barat Borneo Utara dan wilayah kepulauan Sulu (Sweeney, hlm 99-100: Cheah, 2012). Kawasan Sungai Tuaran menjadi tempat tumpuan kaum kerabat diraja Brunei yang kemudiannya menjadi kawasan milik peribadi mereka. Kawasan tersebut juga adalah sebahagian daripada wilayah “Saba” yang berjaya dikuasai oleh British North Borneo Company. Sungai Tuaran yang dimiliki oleh Sultan Abdul Momin kemudiannya ditukar menjadi kawasan milik wazir selepas dimiliki oleh Pengiran Muda Muhammad dan Pengiran Muda Muhammad Hassan pada 5 November 1884 dan setahun kemudian, Sultan Abdul Momin telah meninggal dunia pada tahun 1885(M:116/82, M63/2002, C.O 874/54).

**Peta 1**  
Sungai Kuripan di pantai barat Borneo Utara



Sumber: Yusry Sulaiman, Sejarah Penyerahan Wilayah Brunei di pantai barat Borneo Utara (1877-1902), *Tesis Sarjana*: UMS, 2021, hlm. 146; Diubah Suai dari Haji Hasbol, *Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19*, hlm. 41.

Seterusnya dalam struktur sistem cukai di Tuaran mesti melibatkan dalam ekonomi terutama dalam pengutipan cukai dan perdagangan. Hasbol menjelaskan mengenai pengutipan cukai di kawasan tersebut, memang sudah berlaku dari zaman tanah jajahan sejak dari abad ke-10 (Hasbol, 2011: 16). Dengan itu, tanah jajahan ini tidak boleh dipisahkan dengan aktiviti pengutipan cukai bagi sesebuah wilayah. pengutipan cukai adalah sumber penting dalam pendapatan negara terutama Sultan dan Wazir. Sebagai contoh, Sultan Abdul Momin telah mengadakan Pengiran Shabandar yang memungut cukai ke atas rakyatnya. Tidak lupa, baginda juga melantik seorang jurukira yang mengira dan menjaga hasil kutipan cukai. Hal ini menunjukkan pentadbiran kutipan cukai di Tuaran semakin pesat yang disebabkan kegiatan perdagangan dengan negara luar seperti China (Singh, 2011: 13; Hasbol, 2011: 16). (Said, 2013: 39) menjelaskan, dalam pembentukan cukai asal sultan terlibat dalam kegiatan perdagangan. Oleh itu, Sultan Abdul Momin mewujudkan sistem pentadbiran dalam perdagangan dan melantik Pengiran Shahbandar untuk memastikan pentadbiran dapat mengawal dalam hal ehwal perdagangan.

Cukai dilaksanakan oleh pembesar selaku wakil sultan untuk memungut cukai. Pembesar seperti Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan yang bertanggungjawab untuk memungut cukai kepala terutama di bahagian kampung

masing-masing. Cukai ini amat penting bagi Sultan Abdul Momin untuk menjana pendapatan di Kerajaan Pusat. Segala hasil yang dipungut oleh Pembesar Brunei akan diserahkan kepada kerajaan pusat dibawah Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan. Dengan hasil kutipan langsung mengikut masa setiap bulan akan meminta mengikut jenis cukai yang akan dipungut oleh pembesar Brunei. Nampak Sultan dan Pembesar juga menghantar wakil untuk melakukan tugas memungut cukai daripada rakyat. Memang tidak nafi bahawa Tuaran adalah pusat pemungut cukai yang terbanyak berbanding seluruh pantai barat Borneo Utara.

Cukai Dagang atau dikenali sebagai Chupei Dagang akan berlaku setiap tahun. Jika tidak membayar kepada pengutip cukai, maka aktiviti perdagangan dilarang serta kena halau oleh petugas di kawasan Sungai Tuaran (Foreign Office, 12/59, Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th may 1883, Leys, 1974: 137). Petugas dalam Cukai Dagang ini adalah terdiri daripada masyarakat Bajau untuk memastikan melaksanakan tanggungjawab. Manakala kawasan persisiran sungai Tuaran turut membayar kepada golongan wazir seperti Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan dengan pembayaran sebanyak 7 peratus mengikut kawasan mereka tapak. Namun begitu jumlah pembayaran sentiasa berubah mengikut wazir yang ditetapkan berapa kadar pembayaran yang ditetapkan. Secara biasanya, Cukai mereka yang dikenakan adalah mengikut keluarga dengan mengikut kepala, semakin ramai ahli keluarga, semakin tinggilah pembayaran Cukai Dagang (Foreign Office, 12/59, Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th may 1883, Leys, 1974: 137). Oleh itu, Cukai Dagang di kawasan Tuaran sangat ketat kerana dikuasai oleh Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan yang menetapkan peraturan Cukai Dagang (Foreign Office, 12/59, Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th may 1883, Leys, 1974: 137-138).

Chupei Serah adalah dikenali Cukai berbentuk serahan yang biasa di kawasan Tuaran. Kawasan tersebut pernah dilakukan mengikut golongan pedagang yang akan bayar kepada pengutip cukai mengikut ikhlas. Bukan itu sahaja, biasanya golongan pemberontak yang ingkar kepada pemungut cukai akan dikenakan cukai serahan mengikut denda yang ditetapkan oleh wazir. Kesemua jumlah pungutan cukai dagang adalah sama tetapi cukai serah adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh wazir.

Chupei Basoh Betis adalah berlaku di sungai mengikut hasil pendapatan mereka di laut. Cukai ini dilakukan oleh golongan Pengiran untuk melawat di kawasan sungai yang mereka tugas. Rakyat yang tinggal di tepi sungai akan serah hasil mengikut jumlah pembayaran ufti yang ditetapkan. Namun begitu, sering tumpuan dalam pengutip segala hasil cukai ialah golongan lelaki sebanyak 2 dolar satu kepala yang tinggal di tepi sungai. Kadang kala segala hasil cukai tersebut juga membayar secara lumsup yang mengikut berapa lama masa mereka tinggal di tepi sungai.

Chupei Bongkal Sauh ataupun Cukai Sauh yang bermaksud kapal besar yang pergi ke Sungai Tuaran untuk berlabuh di setiap kawasan pemilik persisiran sungai. Oleh itu, golongan wazir seperti Pengiran Anak Muhammad Hassan telah mengadakan cukai tersebut dengan menjanakan pendapatan terutama pedagang dari luar seperti pedagang Cina, Arab dan kawasan lain. Cukai ini hanya sedikit berbeza berbanding Cukai Basoh betis kerana Cukai ini hanya memfokuskan kepada pedagang luar yang datang ke Tuaran. Disitulah Pengiran Anak Muhammad Hassan untuk mengambil kesempatan sambil menambahkan hasil pendapatan. Setiap pembayaran diadakan

sebanyak 2 dolar satu kepala. Oleh itu, ini juga menurut laporan daripada Leys dan Hasbol mengatakan Cukai ini adalah main peranan kepada golongan wazir untuk mendapatkan cukai pendapatan daripada pedangan luar kawasan yang datang ke Sungai Tuaran (Foreign Office, 12/59, Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th may 1883, Leys, 1974:138, Hasbol, 2011: 17).

Chukei Tolongan atau Cukai bantu bermaksud cukai yang berasas bantuan terpenting yang dikutip oleh keluarga Pengiran. Cukai tersebut juga boleh mengutip kepada rakyat di Tuaran terutama di kawasan persisiran sungai dan kawasan Tamu untuk memungut cukai dengan tujuan menjana sumber pendapatan dengan membuat pembayaran sebanyak 3 dolar setiap satu kepala. Sebagai contoh, hal perkahwinan, kematian, membina rumah baru dan cukai kepala mengikut saiz dan bilangan keluarga. Walaubagaimanapaun cukai ini sangat terikat peraturan yang dibuat oleh keluarga Pengiran demi mendapatkan kepentingan mereka secara singkat.

Oleh itu, Golongan Wazir juga mengambil peluang untuk menjana pendapatan serta mengerah hasil dapatan daripada rakyat mahupun pedagang luar. Tindakan yang dilakukan oleh wazir telah menuju undang-undang pungut cukai serta mengambil hasil peluang daripada rakyat dan pedagang luar yang lebih menguntungkan. Bukan golongan wazir tetapi keluarga pengiran turut mendapat rasa hasil pendapatan yang lebih dari cukup. Dengan ini telah mengambil peluang untuk mengerah hasil tenaga rakyat demi meningkatkan keuntungan pungutan cukai. Oleh itu kesemua hasil pungutan cukai akan diagihkan kepada separuh kepada sultan, wazir dan pengiran.

### **TUARAN DARI SUDUT CATATAN DAN PANDANGAN PERJANJIAN. BRITISH NORTH BORNEO, 1877.**

*GRANT by Sultan of Brunei of Territories from the Sulaman River to the River Paitan. Dated 29th December 1877.*

*I the Sultan Abdul Mumin Ebn Marhoum Maulana Abdul Wahab of Brunei do hereby grant to Gustavus Baron de Overbeck and Alfred Dent Esquire of London co-jointly their heir's associates successors or assign all the territories belonging to me from the Sulaman River on the north-west coast of Borneo unto the River Paitan on the north-east coast of the island containing twenty-one states together with the island of Banguey and all the other islands within three marine leagues of the coast for their own exclusive uses and purposes. In consideration of this grant, the said Baron de Overbeck and Alfred Dent promise to pay severally and co-jointly to the said Sultan Abdul Mumin his heirs, or successors the sum of six thousand dollars per annum. The said territories are from this date declared vested in the said Baron de Overbeck and Alfred Dent their heir's associates successors or assigns for so long as they shall choose to hold them. Provided however that His Highness the Sultan shall have the right to resume the control and government of the said territories if the above-mentioned annual compensation shall not have been paid for three successive years. Done at the Palace at Brunei this 29th day of December, A.D. 1877. (Yusry & Bilcher, 2019, M:116/82,*

*M63/2002;http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoriesFromTheSulamanRiverToTheRiverPaitan.pdf, sumber diakses 20/11/2019; C.O 874/54).*

Perjanjian diatas menunjukkan bahawa persetujuan di antara Sultan Abdul Momin dan Overbeck terhadap penyerahan Tuaran adalah milik beliau. Pada abad ke-19 Perjanjian tersebut berakhirnya kekuasaan Tuaran dibawah Kerajaan Brunei mengikut perjanjian ini yang terletak di “Saba” (Bilcher, 2018: 45). Pertakaan Saba ialah bermaksud iaitu “hujung”. Seterusnya, kawasan Borneo Utara atau dikenali “Saba” dikuasai oleh Syarikat Borneo Utara British (BNBC). Tahap kedua penyerahan dilakukan oleh Sultan Abdul Momin dan Pengiran Temenggung Hashim pada TM 1877 kepada Overbeck dan Alfred Dent. Pada tahun yang sama, Sultan Abdul Momin menyerahkan wilayah Likas, Papar, Inanam, Pulau Gaya, Tanjung Gaya, Tanjung Lutut, Mengatal, Tanjung Sepanggar, Pulau Sepanggar, Tuaran, Sulaman, Ambong, Abai, Pulau Usukan, Tampasuk, Pulau Mantanani, dan Pandasan. Pada TM 1877 Pengiran Temenggung Hashim pula menyerahkan Kimanis, Kokah, Bembangan, Benoni, Pulau Dinawan, dan Pulau Tiga. Memang tidak nafikan bahawa Tuaran merupakan sebuah pemerintahan yang bebas yang tidak mengiktirafkan daripada Kerajaan Brunei (Black, 1968: 152). Sebagai contoh, Syarif Osman menguasai di Teluk Marudu yang saling bergantung di kawasan Tuaran untuk melakukan sindiket perdagangan hamba. Manakala, Syarif Jahir juga adalah pemilik di kawasan Tuaran yang mengatakan kawasan tersebut adalah Tanah Tulin, ini disebutkan oleh Black. Pengikut Syarif Jahir juga taat setia kepadanya seperti etnik Dusun daripada Kawang.

Pada ketika itu, Sungai Tuaran boleh dikatakan sebagai pusat perdagangan utama semasa dibawah pemerintahan Sultan Abdul Momin. Lebih lebih lagi, kawasan tersebut juga merupakan wilayah utama yang sangat produktif dari aspek ekonomi. Bilcher menjelaskan bahawa Tuaran juga dikenali sebagai pusat “bandar” kerana masyarakat yang berasaskan agraria di Borneo Utara mahupun Asia Tenggara (Bilcher, 2018: 44). Dengan itu, eksport dan import dari segi rempah dan bahan mentah yang memberi impak kepada masyarakat di Sungai Tuaran suatu ketika dahulu yang dijelaskan oleh (Jan Wissemen, 1995: 241). Faktor hasil komiditi dengan pengeluaran banyak jenis seperti kadar permintaan, populasi, komoditi dan saiz penduduk sudah menentukan ciri-ciri untuk menubuhkan sebuah asas kerajaan Tuaran. Walaupun dianggap Tuaran merupakan Tanah Kuripan tetapi Spenser telah menjelaskan Sungai Tuaran adalah pusat pengeluaran Lada Hitam terbesar pada tahun 1856 (Spenser, 1862: 270-271). Bukan itu sahaja, Sungai Tuaran juga pusat pengeluaran utama lada hitam selain daripda Quala Lama, Papar, Mengkabong, Membakut dan Tawaran yang dicatat oleh Spenser.

## SISTEM PEMILIKAN DAN PENTADBIRAN WILAYAH DI TUARAN

Sistem pemilikan wilayah Tuaran terdapat 2 jenis sumber pendapatan yang didapati oleh Peter Leys (Foreign Office, 12/59, Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th may 1883, Leys, 1974:138,). Pertama melalui keluasan wilayah tradisional, tidak mengira sempadan. Jika rakyat Sungai Tuaran Sultan Brunei (Abdul Momin) pergi ke kawasan Mengkabong, rakyat tersebut tetap membayar kepada si pemungut cukai, kemudian serahkan kepada Sultan Abdul Momin. Kedua, mengikut

kesetiaan kepada pemilik wilayah akan dikenakan membayar cukai mengikut kesetiaan pemilikan wilayah tersebut. Kes ini berlaku etnik Bajau dan Dusun telah membayar kepada Sultan Abdul Momin dan pembesarnya yang dijadikan urusan rasmi dalam hal ekonomi kerajaan. Kes ini mempunyai persamaan dengan Sungai Kerajaan tetapi Sungai Kuripan melibatkan wazir (pembantu sultan). Sebenarnya terdapat 3 jenis wilayah jajahan seperti Kerajaan, Kuripan dan Tulin. Terdapat menunjukkan perbezaan iaitu pemilik asal secara rasmi mahupun persendirian mengikut rakyat dan sungai. Lebih-lebih lagi waris turun temurun juga jauh perbezaan pemilik. Sebagai Contoh, kawasan Tuaran merupakan Kuripan yang dimiliki Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan. Selepas mereka wafat, Sultan Abdul Momin akan melantik pengganti seterusnya, tetapi bukan melantik satu waris dan mengikut penilaian daripada baginda. Oleh itu, Sungai Kuripan tidak boleh mewasiatkan secara persendirian, tetapi Kuripan adalah sumber pendapatan utama kepada istana raja. Memang tidak dinafikan bahawa Kuripan tidak setanding dengan Tulin yang boleh lucut wasiat perlantikan tanpa kompromi. Akhir sekali, kedatangan BNBC sistem pemilikan wilayah seperti Kuripan dan Tulin telah dihapuskan pada tahun 5 April 1884 di antara Sultan Abdul Momin dan British North Borneo Company (C.O 874/200).

Seterusnya melihat corak dalam sistem pentadbiran wilayah ialah menggunakan sistem pentadbiran tradisional yang terletak separuh mereka dan separuh mengakui taat setia kepada Sultan. Kes ini yang didapati bahawa Sultan Abdul Momin yang melihat geran bahawa baginda merupakan pemilik di kawasan Sungai Tuaran. Status wilayah di Sungai Tuaran adalah Sungai Kuripan dilaksanakan oleh golongan wazir seperti Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan juga melaksanakan pentadbiran yang dilantik oleh Sultan. Mereka dikenali sebagai golongan wazir yang mentadbir di kawasan Kuripan serta mempunyai kebebasan untuk wilayah di Sungai Tuaran. Sebagai contoh, Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan juga menghasil peraturan seperti Cukai dan undang-undang. Aspek kekuasaan pembesar wilayah Kuripan dengan mengikut golongan Wazir untuk menjalankan pentadbiran terutama memungut cukai. Ini adalah peluang bagi golongan wazir untuk memungut hasil cukai daripada Sultan Abdul Momin selaku kuasa wilayah jajahan. Sultan Abdul Momin tidak berhak memungut cukai di kawasan Kuripan semasa wazir melakukan pemungutan cukai.

Dalam sistem pentadbiran wilayah di Sungai Tuaran ini adalah mengikut kekuasaan terutama pembesar utama Brunei. Dengan melaksanakan pentadbiran adalah mengikut perlantikan daripada keluarga kerabat Diraja Brunei untuk menjalankan tugas pihak pentadbiran khususnya pemungutan cukai. Segala hasil pendapatan cukai yang dilaksanakan oleh pihak pembesar Kuripan, maka kesemua hasil akan diagihkan kepada Sultan Abdul Momin selaku penerima yang kedua tetapi tidak kesemua hasil akan diambil oleh pihak pentadbir "Kuripan". Sesungguhnya Sultan Abdul Momin tidak berhak memungut cukai secara langsung tanpa izin memiliki Kuripan.

Sistem pentadbiran wilayah Sungai Tuaran, dipengaruhi dari abad ke-16 mengikut dalam kajian intitusi kajian di Brunei yang dibuat beberapa tahun yang Dahulu. Hal ini sudah pasti sistem pentadbiran Brunei menonjol semasa abad ke-19 di Sungai Tuaran sebelumnya. Sebelum kedatangan kuasa Barat di Sungai Tuaran juga mengadakan Intitusi Masyarakat organisasi yang tersendiri dan teratur dalam sistem politik. Politik dalam pentadbiran wilayah juga memastikan tentera yang cukup kuat

dan sistematik yang dijaga oleh Sultan Abdul Momin. Bukan itu sahaja, baginda dibantu oleh golongan wazir seperti Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan untuk membantu dalam pentadbiran di Sungai Tuaran. Pentadbiran tradisional di Sungai Tuaran mempunyai persamaan tempat wilayah Tulin mahupun Kuripan yang menunjukkan kuasa Sultan adalah “Keris Si naga” serta kedaulatan Sultan dalam Hukum Kanun Brunei. menurut Pehin Jamil menyebutkan tentang Hukum Kanun Brunei melaksanakan pentadbiran wilayah untuk melantik para pembesar baginda (Pehin, 1973: 154). Sebagai Contoh, baginda melantik kepada Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan untuk memastikan kedaulatan di Tuaran adalah aman dan damai. Teks ini juga mempunyai ciri-ciri persamaan dibawah

*Adapun segala Raja-Raja itu hendaklah ia menjadikan di antara segala rakyatnya itu akan seorang dua orang daripada orang besar-besar akan jadi gantinya supaya itu tiada menuntut kepadanya segala rakyatnya dan lagi supaya angan sentiasa bersemuka raja-raja itu dengan segala rakyatnya kerana itu mengurangkan hebatnya kepada segala rakyatnya (Pehin, 1973: 154).*

Mengikut petikan dari atas menunjukkan kuasa Sultan adalah Mutlak untuk memerintah negara tetapi baginda mengagihkan kuasa kepada pembesar dengan tujuan meringankan beban tugas tanggungjawab tetapi dapat mengukuhkan penghormatan dan perpaduan rakyat. Sistem ini memberi kuasa penuh kepada pembesar untuk mentadbir wilayah yang dinamakan Kuripan dan Tulin sebagai sumbangan tanggungjawab yang diamanahkan oleh baginda. Sebagai contoh, Sultan Abdul Momin melantik kepada Pengiran Anak Muhammad dan Pengiran Anak Muhammad Hassan untuk melaksanakan pentadbiran dan wakil rakyat Sultan di Sungai Tuaran.

Selain itu, sistem pentadbiran wilayah Kuripan adalah sistem yang unik tetapi semenjak kedatangan Kuasa Barat yang akhirnya pergaduhan di antara Sultan dan pembesar-pembesar apabila berlaku pemberontakan berlaku di pantai barat. Misalnya Kes Overbeck yang memajak pada 29 disember tahun 1877 di seluruh Borneo Utara dengan mengikut kadar bayaran 6,000 dolar setahun.(M:116/82, M63/2002, C.O 874/54). ( Yusry & Bilcher Bala, 2019: 126, M:116/82, M63/2002,C.O 874/54 ) Sultan Abdul Momin melantik Overbeck sebagai Maharajah Sabah. Pada 5 April tahun 1884 Sultan Abdul Momin menyerahkan kepada British North Borneo Company yang diwakil oleh Treacher (C.O 874/200, Black,1968:152). Tujuan penyerahan ini adalah meringkan beban baginda serta menyelesaikan masalah pemberontakan seperti diharapkan. Namun begitu, Sultan Abdul Momin menjual Sungai Tuaran sebab mahu mendapatkan wang pampasan disebabkan kalah judi Menurut ( Yusry & Bilcher, 2019: 126). Hal ini menyebabkan pentadbiran wilayah Sungai Tuaran kian runtuh akibat Sultan Abdul Momin melakukan ketidak adilan kepada pembesar Brunei khususnya di Sungai Tuaran. Tambahan pula, kekacauan di Sungai Tuaran juga menunjukkan kelemahan kepada pembesar-pembesar yang semakin meradang akibat pergaduhan Pengiran Muda Muhammad, Pengiran Muda Muhammad Hassan Syarif Jahir dan Pengiran Abdul Rauf. Dalam Hukum Kanun Brunei uga mengatakan teks dibawah.

*Pertama ampun, kedua murah tangannya dan hatinya jangan mengharap-harap apabila ia murah tangannya jangan mengubah akan kata-katanya, kekurangan orang jahat bukannya raja, ketiga perkara akan barang yang dikerjakannya keempat melakukan segala hukumnya dengan kaharnya itulah sifat pada segala raja itu zaman dahulu kala turun temurun sampai sekarang inilah kanun namanya (Haji Abdul Karim, 1994: 1).*

Secara umum mengenai pentadbiran wilayah Sungai Tuaran Sultan Abdul Momin tercabar oleh Pengiran Abdul Rauf yang menguasai di kawasan tersebut. Menurut Ian, Pengiran Abdul Rauf telah membuat cabaran kepada Sultan Abdul Momin kerana beliau mempunyai hak menjaga di kawasan Sungai Tuaran tanpa pengetahuan kepada Pengiran Muda Muhammad dan Pengiran Muda Muhammad Hassan (Black, 1968:152). Manakala Syarif Jahir juga merupakan juga sebahagian milik kawasan Sungai Tuaran tetapi mengawal etnik Dusun tetapi kuasa Sultan Abdul Momin boleh tercabar tindakan baginda. Perbuatan ini menyebabkan Sultan Abdul Momin murka terhadap tetapi tiada dapat sebarang tindakan susulan. Dengan itu, pemikiran baginda bahawa tindakan ini adalah dapat menyelesaikan masalah dengan melakukan penyerahan wilayah dengan menggunakan treaty demi mendapatkan duit pajakan daripada pihak BNBC (C.O 874/200 ).

Oleh itu, sistem pentadbiran ini bagi rakyat dibawah Pengiran Muda Muhammad dan Pengiran Muda Muhammad Hassan tetap dihormat kepada rakyatnya sebelum kedatangan BNBC. Antara etnik yang patuh kepada mereka ialah Dusun yang selalu membayar ufti. Kemudian, Sultan Abdul Momin telah membernarkan kepada BNBC untuk masuk campur dalam hal memungut cukai tanpa pengetahuan kepada golongan wazir. Nampaknya, Sultan tidak masuk campur mengenai tentang memungut cukai disebabkan baginda telah diserahkan kepada pihak BNBC mengikut geran.

## **MASYARAKAT MAJMUK DI TUARAN SEMASA PEMERINTAHAN SULTAN ABDUL MOMIN (1877-1885)**

Hasbol mengatakan terdapat masyarakat yang mendominasi di pantai barat seperti Bajau, Illanun dan Dusun di Tuaran (Hasbol, 2011: 41). Bukan itu sahaja, mereka mendiami sekitar Sungai Tuaran seperti, Mengkabong, Tempasuk, Ambong, Kinarut, Kimanis dan Menggatal. Ini menunjukkan masyarakat tersebut mendominasi dalam sosioekonomi yang saling bergantung sesama.

Tamu adalah satu perjumpaan dan pertemuan pelbagai etnik untuk membuat perniagaan, dan perdagangan di Sungai Tuaran. Majoriti di kawasan persisiran sungai didominasikan oleh masyarakat Bajau terutamanya yang melaksanakan dalam sistem pentadbiran undang-undang perahu di Sungai Tuaran. Aktiviti membuat perjumpaan di antara etnik untuk mengamalkan sistem barter yang ditemui semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Aktiviti tersebut berlangsung mengikut hari, masa dan tempat yang tertentu di Sungai Tuaran. Kemudian, Tamu juga dibuat komersial turut

disumbangkan oleh pedagang luar seperti pedagang Cina, Arab dan Barat yang turut membeli barang tempatan. Asas penjualan di Tamu seperti rempah ratus, padi huma, rotan dan kayu. Pada mulanya untuk menggunakan sistem pembelian awal adalah menggunakan sistem barter kemudian menggunakan "sistem mata wang". Kesemua hasil penjualan tersebut dapat mengukuhkan ekonomi tradisional di Sungai Tuaran. Memang tidak dinafikan bahawa Sungai Tuaran adalah pusat pertemuan di antara pelbagai etnik dan orang luar untuk melakukan perniagaan. Setiap etnik mempunyai peranan masing-masing untuk mengukuhkan ekonomi di Sungai Tuaran. Sebagai contoh, Masyarakat Dusun mengeluarkan produk hasil seperti Padi Huma dan kain tempatan untuk mengamalkan sistem Barter kepada masyarakat Bajau. Manakala masyarakat Bajau pula juga mengeluarkan hasil produk barang laut seperti ikan masin kepada Dusun. Hal ini dapat mengukuhkan sosioekonomi semasa Sultan Abdul Momin serta merancakkan lagi fungsi Tamu di Sungai Tuaran. Tidak hairanlah kawasan Sungai Tuaran adalah pusat tawar-menawar terbesar semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Menurut Tregonning semasa kedatangan kuasa Barat yang bermula kedatangan Overbeck yang mengubah sempadan pada 29 Disember 1877 yang merundum aktiviti perdagangan . ( Yusry & Bilcher Bala, 2019, M:116/82, M63/2002, C.O 874/54) Masyarakat Bajau tetap meneruskan perdagangan mereka walaupun mereka tentang kedatangan Overbeck di Borneo Utara. Semasa kedatangan BNBC telah mendominasi etnik tersebut dan segala hasil telah diagihkan kepada Ibu pejabat BNBC di Sandakan yang diketuai oleh William Pryer (Treggong, 2007:103).

Menurut Bilcher pada abad ke-16 iaitu Bajau adalah faktor utama untuk meluaskan empayar perdagangan Brunei (Bilcher, 2005: 125). Kebanyakan masyarakat Brunei di Sungai Tuaran juga mengasimilasi dan mengidentifikasi diri mereka sebagai Bajau yang juga dikenali sebagai *Orang-Laut*. Bilcher menjelaskan bagi masyarakat Brunei di pantai barat ada terletak di Sungai Tuaran sehingga Sungai Sipitang (Bilcher, 2015: 37). Ini menjelaskan etnik Brunei telah menukar kepada Bajau dengan mengikut evolusi sezaman. Menurut catatan (Spenser, 1862: 238) "masyarakat Bajau mempunyai satu ciri sikap kesetiaan yg amat tinggi, setiakawan dan ikatan serta hubungan kekeluargaan yang sungguh kuat. Mereka berasal dari Johor dari sebelah timur Selat Melaka. Mereka suka tinggal dekat dengan laut dengan mendirikan rumah di atas air dan biasanya di muara sungai menggunakan tiang tiang kecil. Di Sungai Mengkabong saja ketika itu masyarakat Bajau Samah boleh mengumpul sehingga 2000 orang angkatan tentera ,1000 ada di Mengkabong , 600 orang ada di Tempasuk, 400 orang ada di Pandasan dan selebihnya dari Abai, Ambong dan Sulaman. Tanggungjawab Pengiran Temenggung bukan saja menjaga Wilayah jajahan Sungai Mengkabong malah keseluruhan Wilayah jajahan Kesultanan Brunei. Menurut catatan Spenser "masyarakat Bajau mempunyai satu ciri sikap kesetiaan yg amat tinggi, setiakawan dan ikatan serta hubungan kekeluargaan yang sungguh kuat sehinggakan pernah berlaku satu peristiwa di mana anak-anak kapal yg berasal dari masyarakat Bajau dari Sungai Mengkabong yang berlayar disebuah kapal perdagangan bergaduh dengan anak kapal suku lain sehingga ada yg terbunuh. Seorang anak kapal berasal dari Mengkabong ini berjaya lari dari kapal dagang itu lalu mengayuh perahu sehingga ke Mengkabong, setibanya dia di Mengkabong anak kapal tersebut menceritakan kesusahan dan kejadian yg berlaku terhadap mereka di atas kapal dagang tersebut maka secara tiba tiba hampir seluruh penduduk kampung Mengkabong berkumpul dan serta merta membuat keputusan menyediakan beberapa perahu angkatan perang dan terus menyerang serta membakar kapal dagang tersebut sambil mengambil semua isi kapal dagang tersebut. Apabila suasana sudah kembali tenang dan bila ditanya apakah sebenarnya yang

berlaku di atas kapal, anak kapal dari Mengkabong tersebut menjawab bahawa percaduhan itu sebenarnya bermula dari salah mereka sendiri secara tidak sengaja dan apabila anggota angkatan perang yg ikut serta tadi ditanya kenapa mereka menyerang kapal dagang tersebut, jawab mereka tidak tahu cuma sekadar ikut apa orang lain buat saja. Sikap mereka sebegini adalah menjadi faktor kelemahan dan kekuatan masyarakat Bajau sehingga mereka sungguh dihormati digeruni oleh suku etnik lain. Pengeluaran sumber ini diusahakan oleh masyarakat Bajau yang menduduki kawasan ini (Low, 1880:3-4). Selain hasil laut, kawasan pantai barat Borneo Utara juga menghasilkan bahan pertanian dan keluaran hutan. Pada TM 1872 Sungai Tuaran dan Sungai Sulaman yang mempunyai penduduk seramai kira-kira 6,000 atau 7,000 orang merupakan kawasan pengeluar padi yang utama. Penanaman padi di kawasan ini telah diusahakan secara besar-besaran dan diekspot ke Labuan. Di samping, kawasan tersebut juga mengeluarkan tembakau, getah India, sarang lebah, dan kapur barus. Bahan-bahan ini diperdagangkan di kawasan-kawasan kuala sungai (Foreign Office, 12/38, Henry Bulwers, Consul General in Borneo, 28 May 1872).

Dusun mempunyai sejarah perang menentang pelbagai Suku yang dipanggil Misangod Random sehingga kubu mereka penuh dengan darah. Mengkabong berhampiran dengan Tuaran di mana terdapat sebuah kawasan bernama Indai merupakan kubu kuat Suku Lotud yang tidak kurang hebatnya dari segi kegagahan, kekuatan mistik dan luar biasa Suku Lotud juga berjaya menyerang Suku Illanun yg berkampung di Tuaran sehingga Suku Illanun itu terpaksa berpindah ke kawasan Tempasuk. Menurut Spenser mencatat tentang Dusun mahir dalam menanam padi yang diamal petani dari China atau orang Cina. *And the natives of Tawaran cultivate their rice as carefully as the Chinese, following thei example of dividng the fields by low embankment so as to be able to regulate the supply of water and in other part of borneo are to be found garden as neat as those we saw on the plain of Tawaran. This is evident they have not yet forgotten the lesson taight to their forefathers by the Chinese, Throught thier improved agriculture appears to be almost the only impress left on the peoples.* Menurut hasil catatan Spenser bahawa etnik Dusun mahir dan teliti untuk menanam padi yang sama digunakan oleh masyarakat dari China. Mereka merujuk dan mencontohi teladan daripada Orang China dengan beberapa kaedah mereka belajar. Antaranya, mereka buat satu empangan saliran air dengan menggunakan benteng agar dapat mengawal bekalan air. Ini juga menunjukkan bahwa kawasan ladang di Tuaran sistematis dan bersih berbanding tempat lain (Spenser, 1862:313-314).

Masyarakat Illanun di Tuaran merupakan sumbangan utama dalam perairan semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Istilah Illanun adalah berasal dari perkataan lanun. Menurut kamus dewan Lanun ialah “Bajak Laut” atau “perompak laut” (Kamus Dewan:628). Ini juga dikaitkan dalam bahasa Inggeris juga sama erti seperti *Pirates* (lanun) yang cuba melanun di kawasan Tuaran. Menurut Rubin dalam lanun tradisional juga melakukan perompakan di laut atau perairan sungai oleh sebuah perahu terhadap perahu lain untuk menguasai kepentingan diri sendiri (Rubin, 1974: 10). Kegiatan terhadap aktiviti perlanunan di kawasan Nusantara yang berlaku sekitar abad ke-16 sehingga 19. Bagi motif utama bagi masyarakat Illanun di Tuaran juga melakukan perdagangan dan perlanunan untuk dijadikan sebagai sara hidup. Dengan itu, kegiatan sumber ekonomi bagi masyarakat Illanun juga melakukan perompakan untuk dijadikan sumber rezeki utama mereka. Masyarakat tersebut juga melakukan memburu manusia untuk dijadikan sebagai hamba dikawasan perairan di Tuaran.

Sebenarnya masyarakat Illanun adalah berasal dari selatan Filipina yang bertujuan berlayar sambil merantau. Pada tahun 1765 mereka berhijrah ke Borneo Utara disebabkan letusan gunung berapi yang menyebabkan kawasan perkampungan mereka musnah di kawasan Tasik Lanao yang dikatakan oleh (Warren, 1981: 150). Mula-mula mereka berhijrah ke kawasan Tempasuk sehingga Tuaran untuk mencari rezeki sehingga terbentuk komuniti yang tersendiri. Sambil itu mereka juga mengeksploitasi perdagangan awalnya di pesisiran pantai ke sungai. Menurut Evans, masyarakat Illanun telah berhijrah ke pantai barat Borneo bermula pada tahun 1807. masyarakat Illanun tersebar ke Pandasan, Tuaran, Tawau, Kudat, Labuan, Lahad Datu, Sandakan, Semporna, Kudat dan beberapa tempat lain. Masyarakat Illanun ramai menetap di kawasan pantai barat Borneo Utara seperti Tempasuk, Mengkabong, Pandasan dan Tuaran (Evans, 1928:220). Dalrymple juga mengatakan sumbangan Illanun untuk melakukan perlanungan untuk menangkap hamba untuk memperdagangkan di Tuaran secara komersial (Treacher, 1891:37).

Pada abad ke-19, masyarakat Illanun belum mendirikan sebuah kerajaan tetapi mempunyai ketua kaum masing-masing dengan gelaran Datuk. Bagi setiap masyarakat Illanun mempunyai ketua masing-masing. Menurut (Spenser, 1862:370) Teluk Abai merupakan sebuah perkampungan masyarakat Illanun yang diketuai oleh Raja Muda. Seterusnya, Raja Muda mempunyai anak yang bernama Pengiran Muhammad, mengetuai kawasan Pandasan. Semasa di bawah pemerintahan kesultanan Brunei, masyarakat Illanun merupakan rakyat kerajaan tersebut (Evans, 1928:219). Akhir Sekali, Kegiatan ekonomi masyarakat Illanun adalah bertani dan menangkap ikan sejak turun-temurun. Masyarakat Illanun juga aktif dalam bidang perdagangan (Hasbol, 2011:50).

Akhir sekali petikan ini juga menjelaskan oleh Spenser iaitu; *The Tawaran contains a population equal but a little inferior to that of the Tempasuk. The Village between the mouth and Bawang is Numerous, but much concealed by groves of fruit trees. Tamparuli was an extensive village and Baware of fair size. The Nilu tribes were scattered over the sides of the hills. Kalawat was a village of perhaps 80 families; Bungol contains about 150 families; the tangos, Bangan, and other Villages were observed on sub-spur; and beyond Bungol the tribes must be numerous, if we may judge from the extensive fires made by them to clear their plantation. On the right-hand branch are also many villages, but we had no opportunity of eliminating them. Of the western branch, I know nothing personally. By native accounts, the Tawaran is more populous than the Tempasuk.* (Spenser, 1862: 60)

Menurut petikan diatas bahawa di Sungai Tuaran dianggap sebuah kawasan yang luas. Malahan, Populasi penduduk juga menunjukkan lebih ramai berbanding sekitar kawasan seperti Tempasuk, Tamparuli, Mengkabong dan Kalawat. Dengan itu, masyarakat Dusun pergi ke Sungai Tuaran disebabkan faktor pertanian yang semakin pesat terutama penanaman sawah padi. Kebanyakan, teknik untuk menanam padi juga merujuk di kawasan tersebut. Buktiya, George dan Robert masyarakat Bajau di Sungai Tuaran turut mengasimilasi dengan masyarakat Dusun dengan mengikut teknik membajak tanah sawah. Ini betapa penting untuk menubuhkan sebuah tamadun yang lebih baik. (Bilcher, 2018, 46, George & Robert, 1969: 220)

## KESIMPULAN

Hasil perbincangan di atas menunjukkan bahawa pada abad ke-19, Sungai Tuaran merupakan pusat tumpuan perdagangan semasa pemerintahan Sultan Abdul Momin. Sungai Tuaran adalah satu-satunya kawasan Kuripan khusus di pantai barat Borneo Utara. Mengikut catatan seperti Spenser, potensi perdagangan komiditi utama ketika itu. Terdapat masyarakat utama di Sungai Tuaran seperti masyarakat Bajau, Dusun dan Illanun yang mendorong Sungai Tuaran semakin maju. Sememangnya Sungai Tuaran mempunyai pusat perjumpaan pelbagai etnik mahupun pedagang untuk di kawasan Tamu. Tamu itu adalah terdiri daripada Sungai Tuaran. Dengan itu, perdagangan di Sungai Tuaran semakin berkembang, wujud sistem cukai mengikut kategori. Ini juga adalah cara untuk mengaut keuntungan melalui hasil cukai yang ditadbir oleh wazir. Semasa pemerintahan baginda telah berlaku perubahan sempadan pada 29 Disember tahun 1877 yang menyerahkan perjanjian pajakan kepada Overbeck. Seterusnya, Treacher wakil BNBC membeli pajakan kepada Sultan Abdul Momin dengan mengukuh penyerahan sebagai milik BNBC. Oleh itu, BNBC berjaya menguasai wilayah jajahan Brunei yang semakin sosot pada akhir abad ke sembilan belas. Fenomena keruntuhan pada ketika ini bukan sahaja dihadapi oleh Kesultanan Brunei bahkan juga berlaku ke atas kesultanan-kesultanan lain di Dunia Melayu, baik di Tanah Melayu, Indonesia dan juga Sulu. Oleh itu, Sungai Tuaran adalah kawasan yang mempunyai potensi khusus perdagangan tradisional utama mahupun sebuah kerajaan mengikut para sarjana mengikut tempatan mahupun antarabangsa.

## PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada penyelia utama saya Dr Mosli Tarsat, Dr Rizal Zamani Idris dan para sahabat yang selalu bersama-sama membantu menjayakan kajian ini. Tidak lupa juga ribuan terima kasih kepada informan kajian ini iaitu Cikgu Salleh Mamun, Maskan Rasta, Sahar Piasin, Shari Jeffri, Dawih Utuh, Asmah Dawi dan informan lain yang melontarkan idea dan maklumat serta menjayakan kajian dan penulisan makalah ini.

## RUJUKAN

### Sumber Primer

- C.O 874/200, Grant of Tuaran 5 November 1884.
- C.O 874/54 Grant Of Sultan Brunei of Territory The Sulaman River Of Paitan, 29 Disember1877,<http://www.lawnet.sabah.gov.my/Lawnet/SabahLaws/Treaties/viewdoc.aspx?document=GrantBySultanOfBruneiOfTerritoriesFromTheSulamanRiverToTheRiverPaitan.pdf>. sumber diakses 20/11/2019.
- C.O 874/54, GRANT by Sultan of Brunei of Territories from the Sulaman River to the River Paitan. Dated 29 December, 1877.
- Foreign Office, 12/38, Henry Bulwers, Consul General in Borneo. 28 May 1872.
- Foreign Office, 12/59, Public Record Office, Memorandum Leys to Earl Granville, 5th May 1883.
- M:116/82,M63/2002, C.O 874/54 Grant Of Sultan Brunei of Territory The Sulaman River Of Paitan, 29 Disember 1877.

### Buku

- Bala, B. (2005). *A Thalassocracy: A History of Midieval Sultanate of Brunei of Darussalam*: Kota Kinabalu: UMS.
- Haji Abdul karim Haji Abdul Rahman. (1994). Brunei Satu Cabaran dan Campur tangan British, Hukum Kanun Brunei Fasal Pertama (Naskha Jawi simpanan Jabatan Pusat Brunei) Jabatan Pusat Sejarah: Bandar Seri Begawan.
- Haji Hasbol bin Mail. (2007). Peranan Kerajaan (Kingship) Kesultanan Brunei: Konsep Dewaraja,Daulat dan Derhaka satu Sorotan, Jurnal Darussalam,Bil, 7. Hlm. 18-41.
- Haji Hasbol bin Mail. (2011). *Kesultanan Melayu Brunei abad ke-19, Politik dan Struktur Pentadbiran*, Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darulsalam.
- John, S. (1862). *The Life in the Forest of the Far East: Volume I*, London: Smith & Elder Co.
- John, S. (1862). *The Life in the Forest of the Far East: Volume II*, London: Smith & Elder Co.
- Kamus Dewan, Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Norman E. I. (1928). *Among Primitive Peoples in Borneo*, London: Oxford University Press.
- Pehin Jamil Al Sufri. (1973). *Catatan sejarah Perwira dan Pembesar Brunei, Jilid II*, Dewan Bahasa dan Pustaka: Bandar Seri Begawan.
- Rubin. (1974). *Piracy, Paramountcy and Protectorates*, Kuala Lumpur:Universiti Malaya.
- Rutter, Owen. (2008). *British North Borneo*, Opus Publication: Kota Kinabalu.
- Sanib Said. (2013). *Melayu Sarawak; Sejarah yang Hilang*, UNIMAS: Kota Samarahan.
- Tarling, N. (1971). *Britain, The Brooke and Brunei*, Oxford Univerisity Press: London.
- Tregonning, K.G. (2007). *Under Chartered Company*, University Malaya Press: Kuala Lumpur.
- Warren, J.F. (1981). *The Sulu Zone 1768-1898*, Singapore: Singapore Univiversity Press.

Wolters, O. W. (1999). *History, Culture and Region in Southeast Asian Perspective*, Ithaca: Cornell Southeast Asia Program Publication.

#### *Artikel/Jurnal/Makalah*

- Appell G, V. & Harisson, R. (1969). “The Ethnographic Classification of Dusun-Speaking Peoples of Northen Borneo”, *Ethnology*, 8(2).
- Appell, G. V & Harisson, R. (1969). “The Ethnographic Classification of Dusun-Speaking Peoples of Northen Borneo”, *Ethnology*, 8(2), hlm. 220.
- Bala, B. (2015). Petempatan Masyarakat Melayu Brunei ke Sabah, Jabatan Muzium Malaysia.
- Bala, B. (2018). Kerajaan Tuaran di Sabah Berdasarkan Sumber Arab, *Institusi Terjemahan Buku Malaysia*, hlm. 19-51.
- Black, I. D. (1968). The Ending Brunei Rule in Sabah 1878-1902, *JMBRAS*, 41(2), hlm. 142-158.
- Christie, J.W. (1995). “ State Formation in Early Maritime Southeast Asia: A Consoderation of the Theories Data, Bij tot de Taal- Land Volkenkude, Deel 151, 2de afl.
- Dalrymple S. E. (1884). Tawaran and Putatan Rivers, *JMBRAS*, hlm. 261- 272.
- Leys, P. (1974). Observation on the Brunei Political System, 1833-1885, *JMBRAS*, 47(1), 1974, hlm.128-141.
- Low, H. (1880). Selesilah ( Book Descent) of the Raja Brunei, *JMBRAS*, 5.
- Yusry Sulaiman & Bala, B. (2019). Maharaja Overbeck: Satu Pandangan Mengenai Hak dan Kedudukan Pemerintah Borneo Utara (1877-1881), *Journal of Borneo Social Transformation Studies (JOBSTS)*, Vol. 5. No. 1.

#### *Tesis*

- Yusry Sulaiman. 2021. Sejarah Penyerahan Wilayah Brunei di pantai barat Borneo Utara (1877-1902), *Tesis Sarjana*: UMS.

#### *Akhbar*

- Bala, B., Baszley Bee Basrah Bee dan Jakarta Dasan. (2008). 3 April Pengaruh Kesultanan Brunei Kepada Masyarakat Sabah (Siri I), *Utusan Borneo*, hlm.13-14.